

**"Duta Luar Biasa" Mesir Kagum Dengan 1Malaysia
Bernama
29 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Pengembara dari Mesir Ahmed Haggagovic, yang menggalas misi untuk mewujudkan perpaduan di dunia, kagum dengan konsep 1Malaysia, yang disifatkannya sebagai suatu idea bijak serta sejajar dengan mesej yang ingin disembarkannya ke seluruh alam.

"Rakyat Malaysia bersatu di bawah satu bendera. Tak ada perbezaan sesama anda. Saya amat menghormati rakyat Malaysia. Anda bebas berbuat apa saja yang anda mahu, dan negara ini selamat untuk dikunjungi," kata Haggagovic dalam ceramahnya bertajuk 'Kebebasan, Kesejahteraan dan Keamanan: Perpaduan Seluruh Dunia' di Wisma Bernama di sini pada Isnin.

Digelar 'Duta Luar Biasa Mesir,' Haggagovic - yang telah mengembara ke lebih 200 bandar raya di 90 negara, termasuk Malaysia, untuk menyebarkan mesej perpaduan, keamanan dan kebebasan - berkata beliau menyokong penuh konsep 1Malaysia, yang menurutnya 'sangat baik dan tepat.'

Pengembara itu berkata beliau akan memperkenalkan idea yang lahir daripada pemikiran Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak itu di Mesir.

Haggagovic, 27, juga berkata cara Malaysia menyatupadukan rakyatnya, yang terdiri daripada tiga kaum utama - Melayu, Cina dan India - merupakan model yang boleh dicontohi dan patut dipelajari negara lain.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=669560>